

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 10 JULAI 2019, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 27**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1422-L04974  
**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [ Jeli ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan prestasi Malaysia Airlines Berhad serta sejauh manakah keberkesannya sehingga ke hari ini.
  
2. PR-1422-L04852  
**Tuan Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan kesan ke atas ekonomi Malaysia ekoran risiko ketidaktentuan persekitaran global khususnya antara Amerika Syarikat dan China mutakhir ini.
  
3. PR-1422-L04645  
**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan dalam usaha memulihara isu hidupan liar di Malaysia, kita ada "*Malaysian Elephants Action Plan*", "*Malaysian Tiger Action Plan*", "*Malaysian Orang Utan Action Plan*" dan lain-lainnya. Sejauh manakah pelan tindakan ini dilaksanakan dan meyakinkan kejayaannya.
  
4. PR-1422-L05488  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
  - (a) apakah komponen projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang tidak lagi dilaksanakan selepas kos terdahulu RM65.5 bilion dikurangkan kepada RM44 bilion. Bukankah ini satu pengecilan skop (*downsizing*) yang pasti akan mengurangkan kos pembinaan dan ianya bukan penjimatan berdasarkan skop asal; dan

(b) kenapa Kerajaan tidak mengguna pakai cadangan Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan iaitu Tony Pua pada 15 November 2016 yang menganggarkan kos sebenar ECRL hanya RM29 bilion sahaja.

5. PR-1422-L04697

**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan membanteras gejala rasuah dan salah guna kuasa di kalangan penjawat awam khususnya Jabatan Imigresen dan pihak polis. Adakah Kerajaan berhasrat meminda undang-undang berkenaan dengan pesalah wajib dijatuhi hukuman penjara serta harta dirampas.

6. PR-1422-L04870

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perkembangan usaha untuk memperkenalkan Program Sekolah Kepimpinan Masa Depan Malaysia (MFLS).

7. PR-1422-L05636

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

(a) berapa jumlah pencarum dalam PERKESO pada Mac 2019; dan

(b) adakah Kerajaan mempunyai rancangan bagi memberikan perlindungan kepada pencarum termasuk manfaat kematian di luar masa kerja.

8. PR-1422-L04672

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini kajian Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya Malaysia (ERC) terhadap cadangan pelaksanaan pendaftaran pengundi secara automatik dan apakah halangan terbesar terhadap pelaksanaan cadangan tersebut.

9. PR-1422-L05015

**Tuan Chang Lih Kang [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan langkah-langkah dan pencapaian yang dicapai oleh Kementerian dalam menghadapi kempen anti-minyak sawit di Eropah.

10. PR-1422-L04441  
**Datin Mastura binti Mohd Yazid [ Kuala Kangsar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kategori-kategori tanah wakaf milik Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu di negeri-negeri Semenanjung.
11. PR-1422-L05462  
**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kos membiayai program SBST MyBas Seremban sejak tahun 2015 dan berapakah penumpang (*ridership*) setiap tahun untuk 2016, 2017 dan 2018. Apakah Kerajaan bersedia menyusun semula laluan perkhidmatan MyBas supaya dapat merangkumi kawasan perumahan yang berpenduduk padat agar perkhidmatan yang ditawarkan kepada orang ramai lebih menyeluruh.
12. PR-1422-L05017  
**Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha Kerajaan mengatasi kadar pengangguran yang semakin meningkat sebanyak 9.4% bersamaan 204,000 orang sejak Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih pemerintahan dari Kerajaan terdahulu.
13. PR-1422-L05679  
**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap kerosakan jalan raya disebabkan kenderaan berat seperti kontena peniaga Pasar Borong Selayang yang melalui kawasan perumahan seperti di Batu View.
14. PR-1422-L05741  
**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan dalam masa setahun, dari bulan Jun 2018 hingga Julai 2019, berapa buah dan negara mana yang telah dikunjungi bagi membuat rundingan atau apa cara lain bertujuan untuk memulihkan keadaan harga komoditi di Malaysia yang agak rendah sekarang.
15. PR-1422-L04718  
**Tuan Pang Hok Liang [ Labis ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan jumlah keluasan pembukaan hutan untuk pembalakan bagi setiap negeri dari tahun 2005 hingga Mei 2018 dan jumlah hasil diperolehi setiap negeri, dengan pecahan terperinci.

16. PR-1422-L05574

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [ Cameron Highlands ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) sudahkah Kementerian menyediakan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional yang menyeluruh untuk menangani isu utama masalah Masyarakat Orang Asli di negara ini sebagaimana diuar-uar di dalam akhbar semasa Konvensyen Orang Asli 2019 di Putrajaya pada bulan April yang lalu; dan
- (b) siapakah yang diamanahkan untuk melaksanakan tugas merangka Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional ini dan jangkamasa yang ditetapkan untuk menjayakan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional.

17. PR-1422-L05452

**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah menteri sedar bahawa banyak bangunan dan infrastruktur di Labuan memerlukan peruntukkan yang cukup untuk penyelenggaraan dan pembinaan baru seperti di Botanikal Garden, Seaport Centre, Jambatan Konkrit Patau-Patau 1 dan kampung Air lain, Restoran Anjung Ketam, Marina Awam, Balairaya dan lain-lain. Apakah perancangan Kementerian dalam menangani situasi ini dalam RMK-12.

18. PR-1422-L05413

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [ Tumpat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menyemak semula skim gaji penjawat awam terutamanya insentif kenaikan gaji tahunan bagi kumpulan berpendapatan rendah sejajar dengan kos sara hidup yang kian meningkat.

19. PR-1422-L05736

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [ Kalabakan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan agar dapat memberikan permit tambahan untuk kebenaran pengoperasian kepada teksi-teksi bandar berpermit di Sabah agar boleh menyediakan penyewaan penumpang keluar daerah demi kesinambungan pencarian nafkah kehidupan disebabkan saingan kuat dan sengit dari operator-operator pengangkutan e-hailing yang bebas beroperasi tanpa sekatan seperti Grab.

20. PR-1422-L04373

**Datuk Aaron Ago Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan strategi Kerajaan bagi membantu pekebun KECIL (individu) sawit, getah, lada dan lain-lain di Sarawak supaya perusahaan mereka dapat kekal berterusan kerana kejatuhan harga komoditi yang sudah lama berpanjangan.

21. PR-1422-L04409

**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes yang telah dibicarakan di Mahkamah Khas Raja-Raja sejak ia ditubuhkan. Mohon diberikan juga kategori kes-kes tersebut .

22. PR-1422-L04932

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapakah wujudnya perbezaan kaedah pendaftaran lesen PSV sama ada dalam talian (*online*) mahupun luar talian (*offline*) sehingga Kerajaan memberi kelonggaran kepada pemandu *e-hailing* untuk membuat pendaftaran dalam talian (*online*).

23. PR-1422-L05460

**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan status rancangan pembangunan Malaysia Vision Valley 2.0 (MVV2.0) di kawasan Negeri Sembilan, berapa luas tanah yang akan terlibat dalam pengambilan tanah dan apakah impak MVV2.0 kepada pembangunan ekonomi di Negeri Sembilan.

24. PR-1422-L04793

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan pelan tindakan pihak Kementerian dalam menghadapi banjir sekiranya berlaku dan status permohonan tebatan banjir di Kg. Sungai Chedong dan Bandar Maran berjumlah RM25 juta yang telah dikemukakan kepada pihak Kementerian .

25. PR-1422-L05125

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan terkini berhubung perkhidmatan kereta api Shuttle Tebrau antara JB Sentral dan Woodlands Singapura, bagaimana tren pertumbuhan bilangan penumpang dan apakah usaha Kerajaan untuk berunding dengan Singapura yang dilihat tidak ingin bekerjasama dengan kita dalam menambahkan kekerapan perkhidmatan tersebut demi memenuhi keperluan rakyat setempat.

26. PR-1422-L05187  
**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil Kerajaan dalam memastikan sumber kewangan orang Islam iaitu zakat dan institusi ibadah orang Islam iaitu masjid dan surau tidak dijadikan medan politik kepartian yang menyebabkan masyarakat Islam semakin berpecah belah, salah menyalah antara satu sama lain susulan isu yang timbul semasa bulan Ramadhan 1440 Hijrah baru-baru ini.
27. PR-1422-L04980  
**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan Pesuruhjaya Diraja untuk mengkaji kemiskinan tegar dan keterbelakangan masyarakat Orang Asli dan Orang Asal dari segi sosioekonomi, budaya dan bahasa, kesihatan dan pemakanan, setelah peristiwa kematian di Gua Musang.
28. PR-1422-L05381  
**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan mengenai cadangan untuk mengundang kumpulan K-Pop dari Korea, Bangtan Boys (BTS) ke negara ini bagi mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2020.
29. PR-1422-L04516  
**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejarah telah membuktikan bahawa masyarakat kaum India Muslim juga turut menyumbangkan jasa mereka dalam pembangunan negara ini. Maka apakah inisitif-inisitif oleh Kerajaan bagi menjaga kebajikan mereka dan juga masalah-masalah yang di hadapi oleh mereka.
30. PR-1422-L05111  
**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini projek naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Pengkalan Chepa:-
- (a) bilakah tarikh dijangka siap dan boleh digunakan sepenuhnya; dan
  - (b) berapakah pertambahan kapasiti penumpang dan kapasiti jumlah pesawat yang boleh mendarat pada satu masa setelah siap nanti.

31. PR-1422-L05389  
**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan untuk penoreh getah melalui bajet untuk bantuan musim tengkujuh khususnya untuk tahun 2018/2019 dan langkah meningkatkan lagi pendapatan penoreh getah.
32. PR-1422-L05352  
**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [ Beaufort ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai isu harga pasaran kelapa sawit ketika ini yang disifatkan terlalu rendah.
33. PR-1422-L04607  
**Tuan Yamani Hafez bin Musa [ Sipitang ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan langkah yang dilaksanakan untuk membantu para pekebun kecil sawit di negara ini terutama di Sabah yang terbeban akibat kejatuhan harga sawit di pasaran dunia, dan sejauh mana keberkesanan usaha yang dilaksanakan untuk menangkis kempen anti-minyak sawit yang masih dijaja oleh negara-negara Eropah .
34. PR-1422-L04491  
**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengesahkan sama ada pemegang kad UNHCR boleh bekerja secara sah di Malaysia dan adakah majikan boleh disabit kesalahan oleh mana-mana agensi jika mengambil pekerja tersebut.
35. PR-1422-L04601  
**Dato' Sri Hasan bin Arifin [ Rompin ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bagi mengatasi masalah aliran wang tunai, FELDA perlu menjual pelaburannya di luar negara seperti Grand Plaza Services Apartment, London dan Grand Kingston, London Plaza. Nyatakan pelaburan-pelaburan FELDA di luar negara dan mengapa harta-harta tersebut lambat dijual.
36. PR-1422-L05106  
**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan jangkaan lima (5) projek utama yang diumumkan pada separuh pertama tahun 2019 untuk Kelantan dapat dimulakan dan jangkaan projek tersebut dapat disiapkan; Projek pembesaran dan naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3), Jambatan Palekbang – Kota Bharu, Jalan Baharu Jeli – Machang – Pasir Puteh dan Fasa 1A, sebahagian Fasa 2 dan Fasa 3 Lebuhraya Kota Bharu – Kuala Krai.

37. PR-1422-L04954  
**Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kebenaran dakwaan di media sosial bahawa ajaran Syiah semakin berkembang di Malaysia dan bagaimanakah pihak Kerajaan membendung penularan ajaran ini di kalangan masyarakat.
38. PR-1422-L05370  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat meminda beberapa bahagian dalam Perlembagaan untuk membolehkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam berfungsi dengan berintegriti dan sah.
39. PR-1422-L05174  
**Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah benar cadangan Kerajaan untuk membatalkan Stesen ECRL Telaga Papan Setiu dan kalau ianya benar apakah justifikasi pembatalan tersebut dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji balik cadangan pembatalan tersebut.
40. PR-1422-L05224  
**Tuan Chan Foong Hin [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan menjelaskan status Laporan Jawatankuasa Bebas Pengurusan Pekerja Asing yang belum diumumkan, dan juga cadangan laporan tersebut dalam pengurusan pekerja-pekerja asing.
41. PR-1422-L05369  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk memperkasakan Mahkamah Syariah khususnya untuk memberi peluang hukuman takzir dapat dilaksanakan serta menyelesaikan ketidakseragaman yang nyata dalam penjenayahan takzir mengikut Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri dan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan).
42. PR-1422-L05407  
**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [ Tumpat ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah kerja-kerja pembaikan landasan kereta api di Pantai Timur iaitu dari Gemas ke Mentakab, Jerantut ke Gua Musang dan Gua Musang ke Tumpat dijadualkan siap.

43. PR-1422-L05576

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [ Cameron Highlands ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan dan usaha Kementerian dan JAKOA menyelesaikan isu suku kaum Negrito Orang Asli Semenanjung yang rata-ratanya tinggal di pedalaman negeri Pahang, Perak dan Kelantan yang masih tercicir daripada segi pendidikan, kesihatan, kemudahan asas dan aktiviti ekonomi agar suku kaum Negrito ini setanding dengan kemajuan yang dikecapi oleh Masyarakat Orang Asli yang lain.

44. PR-1422-L04806

**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah jaminan yang akan diberikan oleh Kerajaan berhubung kemampuan Lembaga Tabung Haji (TH) memberikan pulangan hibah yang lebih baik kepada pendeposit pada tahun 2019 berbanding kadar 1.25 peratus pada 2018; dan
- (b) apakah status terkini Pelan Penstrukturan dan Pemulihan Tabung Haji serta prestasi kewangan pada suku pertama dan kedua tahun 2019.

45. PR-1422-L05040

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prestasi dan sumbangan Syarikat-syarikat Milik Kerajaan (GLC) sejak Pakatan Harapan menjadi Kerajaan Persekutuan. Adakah Kerajaan telah mula menerima pakai piawaian antarabangsa seperti Garis Panduan OECD mengenai Tadbir Urus Syarikat Milik Kerajaan dalam rangka memperbaiki keseluruhan tadbir urus GLC.

46. PR-1422-L04530

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menaik taraf skim perkhidmatan Pembantu Hal Ehwal Islam (HEI) dan Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) daripada skim S19 kepada skim yang lebih tinggi bersesuaian dengan beban tugas dan situasi semasa yang semakin mencabar.

47. PR-1422-L05194

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [ Sembrong ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan saranan yang pernah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia bagi memperkenalkan Gaji Kehidupan Wajar terhadap golongan B40 di Malaysia bagi merealisasikan status Negara Berpendapatan Tinggi.

48. PR-1422-L05329  
**Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status penggubalan undang-undang baru berkaitan dengan Akta Perkhidmatan Parlimen.
49. PR-1422-L04670  
**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapa jumlah hutang peneroka kepada pihak FELDA beserta perincian hutang-hutang tersebut serta apakah Kerajaan akan menghapuskan hutang-hutang peneroka seperti yang dijanjikan.
50. PR-1422-L05451  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian merancang untuk mengkaji semula faedah-faedah yang telah ditawarkan kepada pencarum KWSP dan PERKESO, yang mana terdapat kes tuntutan yang tidak layak dan sebagainya apabila berlaku keilatan dan kematian di mana pewaris tidak dapat membuat tuntutan di atas sebab-sebab tertentu, walaupun pada ketika itu pencarum masih mencarum; dan
  - (b) mohon pihak Kementerian menggariskan kaedah-kaedah yang terbaik secara jelas dan terperinci kepada masyarakat agar memudahkan pencarum dan pewaris menuntut hak masing-masing sekiranya berlaku bencana seperti keilatan dan kematian.
51. PR-1422-L04376  
**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dengan pelaksanaan dasar pekerja Malaysia didahulukan, sehingga kini berapakah jumlah pengambilan bagi pekerja Malaysia tersebut dan apakah sektornya.
52. PR-1422-L04892  
**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kajian bersama pihak penguatkuasa terlibat (JPJ dan PDRM) dalam berkaitan cermin gelap kenderaan persendirian dan apakah kesepakatan yang telah capai oleh kedua pihak.

53. PR-1422-L05484

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) status terkini mengenai kertas-kertas siasatan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kes Projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil terhadap Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. yang mendakwa pihaknya telah memberi RM19 juta kepada seorang bernama G Gnanaraja untuk merasuah SPRM dengan tujuan menutup siasatan berkaitan rasuah terhadap syarikat tersebut.

54. PR-1422-L05319

**Tuan Lim Kit Siang [ Iskandar Puteri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menyiasat siri kejadian pada bulan Julai dan Ogos 2015 di mana Peguam Negara telah dipecat tanpa mengikut peruntukan Perlembagaan, pegawai Kerajaan dipermangsakan, dan undang-undang disalahgunakan untuk menutup siasatan ke atas skandal 1MDB.

55. PR-1422-L05060

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan agihan sumbangan zakat kepada asnaf dibuat oleh pemimpin politik bukan beragama Islam sedangkan zakat merupakan urusan hal ehwal ibadat umat Islam.

56. PR-1422-L05529

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status terkini Projek Pembinaan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Serian, Sarawak.

57. PR-1422-L04666

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian dan dasar Kerajaan terhadap penganjuran ibadah orang Islam seperti berbuka puasa di rumah ibadat bukan Islam yang menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat baru-baru ini.

58. PR-1422-L04413  
**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [ Santubong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian sebenar Kerajaan Persekutuan berhubung dengan hak-hak Sarawak dalam Perjanjian Malaysia 1963 dan apakah langkah Kerajaan Persekutuan untuk mengembalikan hak-hak yang telah terhakis dan seterusnya untuk merealisasikan perkara-perkara yang belum dilaksana atau tidak termasuk dalam Perlembagaan seperti yang termaktub dalam Artikel VIII, Perjanjian Malaysia 1963 .
59. PR-1422-L04526  
**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah pindaan Akta Kesatuan 1965 akan dilakukan.
60. PR-1422-L05433  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang dilakukan oleh pihak Kerajaan dalam meminta tambahan kuota haji untuk negara ini sesuai dengan sasaran Kerajaan Arab Saudi untuk mencapai jumlah 30 juta jemaah haji dan umrah ke negara tersebut menjelang tahun 2030.
61. PR-1422-L05316  
**Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar dan polisi Kerajaan Persekutuan berkenaan dengan hak pemilikan tanah Orang Asli serta apakah usaha untuk memastikan hak tersebut dihormati oleh semua pihak seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan, Kanun Tanah Negara, Akta Peralihan Hak Atas Tanah dan Akta Orang Asli.
62. PR-1422-L04417  
**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [ Santubong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian ada membuat perbincangan dengan syarikat-syarikat Penerbangan seperti MAS, Malindo dan AirAsia supaya menurunkan tambang kapal di musim-musim perayaan, ke Sarawak dan Sabah dan balik ke destinasi asal, kalau tidak mengapa.
63. PR-1422-L04471  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan perkembangan industri baharu yang akan diwujudkan oleh Kerajaan dan bagaimana industri baharu ini menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

64. PR-1422-L05144  
**Tuan Arthur Joseph Kurup [ Pensiangan ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan langkah untuk memperkenalkan industri baru kepada petani dan pekebun luar bandar supaya tidak hanya bergantung kepada penanaman sawit dan getah.
65. PR-1422-L05549  
**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bentuk bantuan yang disediakan khusus kepada masyarakat India melalui Jabatan Perdana Menteri ataupun Kementerian-Kementerian lain terutama dalam membantu pembangunan ekonomi kaum India.
66. PR-1422-L05627  
**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kerjasama di antara Malaysian Airlines Bhd (MAS) dengan Japan Airlines Co Ltd (JAL) telah dimuktamadkan dan apakah faedah yang diperoleh oleh negara jika ianya telah dimenteraikan.
67. PR-1422-L04609  
**Tuan Yamani Hafez bin Musa [ Sipitang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah Pusat Latihan Dakwah JAKIM di seluruh negara, termasuk di Sabah dan Sarawak, dan apakah terdapat cadangan untuk membina pusat seumpamanya di Parlimen Sipitang .
68. PR-1422-L04907  
**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam menangani isu LGBT dan adakah Kerajaan bersedia memperkasakan sistem perundangan Islam sebagai langkah solusi mengekang gejala songsang daripada terus berleluasa.
69. PR-1422-L05141  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan bagi memastikan kedudukan keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera dilindungi sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan khususnya dari segi pemilikan tanah, kuota pekerjaan dalam perkhidmatan awam, biasiswa dan danasiswa, keistimewaan pendidikan dan latihan Kerajaan Persekutuan serta lesen dan peluang perniagaan.

70. PR-1422-L05477  
**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan usaha yang telah dilakukan bagi merapatkan jurang perbezaan dari segala aspek khususnya sosioekonomi dengan berkesan antara luar bandar dan bandar terutamanya pedalaman Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.
71. PR-1422-L05297  
**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) persiapan dan inisiatif terkini bagi memastikan urusan jemaah Malaysia mengerjakan ibadah haji berjalan lancar; dan
  - (b) berapa jumlah kuota tambahan haji yang telah diberikan.
72. PR-1422-L05307  
**Tuan Wong Ling Biu [ Sarikei ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan bersama dengan Jabatan Tenaga Kerja di Sarawak bagi menyelaraskan pengambilan pekerja asing.
73. PR-1422-L04663  
**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab munasabah mengapa peguam Syazlin binti Mansor diarahkan untuk menarik diri daripada mewakili KPKT, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan prosiding Inkues kematian Allahyarham Muhammad Adib bin Mohd Kassim selepas prosiding berlangsung selama 36 hari dan hampir tamat.
74. PR-1422-L04791  
**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan menyemak semula jadual operasi sistem pengangkutan ETS di Sungai Siput (U).
75. PR-1422-L04492  
**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah status Bumiputera bagi kaum Siam di Malaysia adalah sah dan apa bezanya dengan status Bumiputera golongan lain dari segi tanah, perumahan, saham dan pendidikan.

76. PR-1422-L04475  
**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan tindakan Kerajaan untuk memulihkan ekonomi rakyat.
77. PR-1422-L04893  
**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah penyelesaian kepada keperluan pelanggan PUSPAKOM dalam pemeriksaan kenderaan perdagangan yang melibatkan bandar kecil seperti Dungun, Kijal dan lain-lain bandar seluruh negara.
78. PR-1422-L05379  
**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk menggalakkan waktu bekerja fleksibel bagi golongan wanita di sektor awam dan swasta sebagaimana amalan di negara-negara maju yang lain.
79. PR-1422-L04796  
**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan maklumat secara terperinci berkenaan jumlah tenaga pakar tempatan di luar negara yang berjaya dibawa kembali bekerja di Malaysia mengikut sektor dan apakah faktor pendorong yang menyebabkan mereka lebih berminat bekerja di luar negara.
80. PR-1422-L05018  
**Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rasional menaikkan harga nombor pendaftaran kenderaan bagi nombor kenderaan semasa dan nombor popular (baki tender) yang telah berkuatkuasa pada hujung Mei baru-baru ini.
81. PR-1422-L05577  
**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [ Cameron Highlands ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan penambahan dan naik taraf keperluan perumahan PPRT yang dibina oleh JAKOA untuk Masyarakat Orang Asli, kerana keperluan ini adalah amat kritikal dan penting memandangkan di setengah kawasan yang mempunyai ramai penduduk isi keluarga Masyarakat Orang Asli hanya terdapat jumlah yang kecil sebagai contoh di Pos Kemar Ulu Perak hanya terdapat 23 buah rumah PPRT dan di Pos Gob Kelantan hanya terdapat 10 rumah PPRT. Lain-lain isi rumah di kedua kawasan ini masih mendiami rumah tradisional Orang Asli.

82. PR-1422-L04984  
**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memperkenalkan "*Look East Policy*" ke dalam sistem negara kita bagi mempertingkatkan etika dan budaya kerja masyarakat Malaysia, terutamanya pemuda-pemudi yang akan menjamin masa depan negara.
83. PR-1422-L04879  
**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah peluang pekerjaan yang telah diwujudkan setelah 12 bulan (1 tahun) Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih pemerintahan negara serta perbandingan dengan tahun tahun 2017 dan 2016.
84. PR-1422-L04880  
**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Port Dickson ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan permasalahan Orang Asli secara keseluruhan bukan sahaja di Kuala Koh malah di seluruh negara.
85. PR-1422-L04457  
**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia akan bertindak di atas Kertas Putih FELDA yang telah dibentangkan di sidang Parlimen yang lalu dan menuduh semua individu yang terlibat termasuk YB Pekan di atas salah laku dan penyelewengan yang menyebabkan FELDA hilang wang berbilion ringgit.
86. PR-1422-L05022  
**Puan Nor Azrina binti Surip [ Merbok ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan bentuk inisiatif Kementerian dalam menggalakkan perkembangan industri hiliran berjangka pendek bagi membantu para pekebun kecil getah dan kelapa sawit untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam situasi yang bukan dalam kawalan mereka.
87. PR-1422-L05494  
**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) apakah jumlah keseluruhan pemandu *e-hailing* terkini sehingga Jun 2019 dan berapa ramai jumlah pemandu *e-hailing* yang sudah lulus Lesen (PSV-Teksi/E-hailing); dan

- (b) apakah usaha Kementerian untuk menggalakkan lagi para pemandu *e-hailing* supaya mereka membuat caruman Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) dan PERKESO agar diri mereka dan keluarga sentiasa dilindungi di bawah skim perlindungan keselamatan sosial ini.

88. PR-1422-L05447

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah statistik terkini bagi kadar pengangguran untuk golongan belia dan graduan berdasarkan usia, kaum, negeri dan kelayakan akademik mereka.

89. PR-1422-L04399

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan kejadian 13 Orang Asli Suku Kaum Batek meninggal dunia dalam tempoh sebulan di Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan tidak akan berulang lagi.

90. PR-1422-L04966

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [ Jeli ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk melindungi kebajikan dan meningkatkan taraf kehidupan Orang Asli dari aspek ekonomi, pendidikan dan kesihatan hasil maklum balas yang diterima sewaktu Konvensyen Orang Asli Kebangsaan yang berlangsung pada 22 April 2019.

91. PR-1422-L05623

**Datuk Wira Hajah Mas Ermeyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak Kementerian untuk memastikan lori-lori muatan berat ini mematuhi had barangan yang dibawa dan tidak membahayakan pengguna jalan raya yang lain.

92. PR-1422-L05643

**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [ Johor Bahru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah yang telah diambil oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi memenuhi kembali syarat Suratcara Iktan Amanah; dan
- (b) perkembangan tindakan undang-undang terhadap pihak yang didapati telah melanggar peraturan penubuhan AIM.

93. PR-1422-L05145  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah punca gangguan bekalan air di negeri Selangor dan nyatakan apakah langkah dan strategi Kementerian bagi membendung masalah gangguan bekalan air berskala besar di negeri Selangor di masa hadapan.
94. PR-1422-L04416  
**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [ Santubong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan Kerajaan untuk menswastakan agensi-agensi Kerajaan untuk mengurangkan anggota perkhidmatan awam dan sudahkah agensi-agensi tersebut dikenal pasti serta senarainya.
95. PR-1422-L04358  
**Dato' Sri Dr. Santhara [ Segamat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan lebih lanjut sejauh manakah prinsip keterbukaan dan ketelusan yang diamalkan oleh Kerajaan mampu menjamin perkembangan negara dan khususnya rakyat dari pelbagai latar belakang secara inklusif, oleh Kerajaan PH akan menjamin perkembangan ekonomi negara, keselamatan rakyat (*public order*) dan perkembangan sosial serta memastikan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia akan terjamin.
96. PR-1422-L04359  
**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [ Tebrau ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan statistik yang menunjukkan status pertumbuhan ekonomi dan menyebut apa sebabnya ekonomi berada dalam tahap sekarang.
97. PR-1422-L05593  
**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan telah mengkaji kaitan di antara perbuatan mengekori atau menghendap (*stalking*) secara berulang, dengan perbuatan jenayah serius, terutama terhadap mangsa wanita yang telah dibunuh dan apakah usaha untuk menjenayahkan rogol dalam perkahwinan (*marital rape*) selain daripada peruntukan dalam Kanun Keseksaan.

98. PR-1422-L05205

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan tarikh luput pajakan tanah atas plot tanah terletak antara Bulatan Taman Pertama dan Taman Bilion, berdepan dengan Taman Midah, Jalan Cheras, Kuala Lumpur yang mana dua stesen minyak (Petronas dan Shell) dan dua restoran (McDonald dan KFC) terletak, amaun cukai tanah dan cukai taksiran dan sama ada pemilik telah gagal menjelaskan bayaran-bayaran tersebut.

99. PR-1422-L04448

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [ Kuala Kangsar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha kemanusiaan jangka panjang bagi pelarian Rohingya, Syria dan Palestin yang berada di Malaysia.

100. PR-1422-L05113

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh JAKOA pada lima tahun terkebelakang dan tahun semasa 2019; dan
- (b) program utama yang telah dinilai sangat berjaya dalam aspek pembangunan bagi meningkat taraf hidup dan kemajuan masyarakat Orang Asli di bawah seliaan JAKOA.

101. PR-1422-L05195

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [ Sembrong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk membantu penjawat awam meringankan bebanan hutang peribadi berikutan jumlah tunggakan hutang setakat Februari 2019 adalah sebanyak RM236 bilion bersamaan 20% jumlah keseluruhan hutang isi rumah dan 17% KDNK.

102. PR-1422-L05651

**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [ Johor Bahru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah terdapat keperluan untuk menetapkan had gaji atau pampasan yang diterima oleh pengarah-pengarah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bagi memastikan pengagihan kekayaan syarikat yang lebih adil antara pekerja dan pengurus atasan.

103. PR-1422-L04321  
**Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan bolehkan Kerajaan membenarkan penanaman *hemp* secara dalam keadaan terkawal serta kajian minyak *hemp* untuk penggunaan perubatan secara terkawal di Sabah. Jika boleh, apakah syarat-syaratnya.
104. PR-1422-L04722  
**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) jumlah elaun dan peruntukan diraja tahunan untuk DYMM Seri Paduka Yang DiPertuan Agong, dengan pecahan terperinci; dan
  - (b) kos penyelenggaraan tahunan bagi istana negara dengan pecahan terperinci.
105. PR-1422-L05372  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk memastikan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) memberi manfaat kepada tenaga buruh tempatan dan berapakah kuota diberikan kepada kontraktor Bumiputera dalam kerja awam projek mega ini.
106. PR-1422-L04351  
**Dato' Sri Dr. Santhara [ Segamat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah status kuota jawatan penting dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan yang bawa maksud Government Linked Companies (GLC) tidak lagi diberikan kepada masyarakat India yang sebelum ini dicadangkan dan diselaraskan melalui Kerajaan sebelum ini mengikut kuota kaum minoriti mahupun kaum tertentu.
107. PR-1422-L04350  
**Tuan Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan dengan tepat bilakah rakyat Sabah akan mendapatkan hak mereka ke atas 20% royalti minyak seperti yang dijanjikan di dalam manifesto Pakatan Harapan pada PRU14 yang lalu.
108. PR-1422-L04858  
**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan serta usaha Kementerian bagi memastikan keharmonian dan perpaduan kaum terus terjamin.

109. PR-1422-L04347

**Tuan Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan menyedari bahawa kes-kes warga asing yang melakukan jenayah di pelbagai tempat di negeri Sabah seperti di Ranau menimbulkan kerisauan yang berasas di kalangan rakyat tempatan Sabah dan meminta pihak Kementerian menjelaskan apakah langkah-langkah yang telah dibuat bagi mengelakkan perkara ini berterusan.

110. PR-1422-L04665

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan adakah pihak Kementerian telah menjalankan kajian berkaitan dengan prosedur atau "*Standard Operating Procedure*" (SOP)' baru kepada pihak konsesi semasa menjalankan pembalakan agar dapat mengelakkan masyarakat setempat teraniaya terutamanya masyarakat Orang Asli.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

- |    |                 |  |                               |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 1. | ( D.R 17/2019 ) | Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2019   | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|    |                 | <b>[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna ]</b>                                     |                               |
| 2. | ( D.R 18/2019 ) | Rang Undang-Undang Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019                          | "                             |
|    |                 | <b>[ Perdana Menteri ]</b>   |                               |
| 3. | ( D.R 19/2019 ) | Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) (No.2) 2019 | "                             |
|    |                 | <b>[ Perdana Menteri ]</b>   |                               |
| 4. | ( D.R.14/2019 ) | Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019   | "                             |
|    |                 | <b>[ Perdana Menteri ]</b>   |                               |
| 5. | ( D.R. 9/2019 ) | Rang Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2019  | "                             |
|    |                 | <b>[ Perdana Menteri ]</b>   |                               |

6. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan di bawah Seksyen 10, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan bahawa draf bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya) (Negeri Sabah) 2019, (Kertas Statut ST.112 Tahun 2019), yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 8 Julai 2019 bersama dengan laporan Suruhanjaya Pilihan Raya bertarikh 14 Februari 2017 mengenai Kajian Semula Persempadanan Mengenai Syor-Syor Yang Dicapadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri Sabah Kali Keenam Tahun 2017, (Kertas Statut ST.111 Tahun 2019), dan yang akan dibuat di bawah Seksyen 12, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan untuk menguatkuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut, adalah diluluskan"

7. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM22,000 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

8. PR-1422-U(27)050

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan mengenai tindakan-tindakan yang akan diambil daripada cadangan-cadangan penstrukturan semula dan pelan pemulihan terhadap syarikat penerbangan negara, Malaysia Airlines Berhad (MAB). Memandangkan MAB merupakan satu entiti perniagaan yang telah sekian lama menjadi kebanggaan dan maruah negara, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang konstruktif dan menyeluruh yang dicadangkan dalam usaha memulihkan semula masa depan MAB. "

**[ Perdana Menteri ]**

9. PR-1422-U(27)051

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Khas mengenai pelaksanaan projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) yang dirangka menerusi Pelan Induk Pengangkutan (PIP) serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada 18 nasihat oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) dan ulasan jabatan teknikal yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan projek itu selari dengan Seksyen 2A(2)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Berlandaskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti, adalah menjadi keperluan kepada Kerajaan untuk mengemukakan laporan ini memandangkan projek ini memberikan implikasi yang besar terhadap alam sekitar, sosial dan kewangan."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

10. PR-1422-U(27)052

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap laporan pelaksanaan Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia di bawah Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) yang dilancarkan pada Oktober 2018 dalam memperkasakan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia dengan mewujudkan pendekatan yang bersifat lebih holistik dan inklusif sekaligus membawa kepada pemahaman yang lebih baik antara komuniti yang berbeza serta mewujudkan kesepaduan sosial dan perpaduan negara yang lebih baik. Kerajaan perlu membentangkan serta membentuk ruang perbincangan dengan segera apakah syor yang disarankan melalui pelan ini benar-benar efektif dalam mengukuhkan jalinan perpaduan di negara ini."

**[ Perdana Menteri ]**

11. PR-1422-U(27)053

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap pembangunan dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli, seperti yang termaktub dalam Janji 38, Manifesto PH iaitu Membela Nasib Orang Asal di negara ini. Kerajaan perlu membentangkan cadangan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional bagi menangani isu utama dihadapi masyarakat Orang Asli di negara ini dan adalah kemestian bagi Kerajaan memastikan setiap gerak kerja dan usaha pembangunan yang dilaksanakan Kerajaan terhadap Orang Asli ini adalah sejajar dengan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (PBHAM). Ini adalah supaya setiap program pembangunan dan kebijakan yang dirancang mampu memberi faedah yang lebih menyeluruh kepada masyarakat Orang Asli di samping tidak mengenenpikan kepentingan dan memelihara perkara asas berkaitan mereka melalui prinsip IMABT (Keizinan Berasaskan Makluman, Awal, Bebas dan Telus)."

**[ Perdana Menteri ]**

12. PR-1422-U(27)054

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara atau yang terkini mungkin hanya memansuhkan hukuman mandatori sahaja."

"Dalam semangat Malaysia Baharu selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk perasaan keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati."

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat."

**[ Perdana Menteri ]**

13. PR-1422-U(27)055

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Kos penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti SilTerra Malaysia Sdn. Bhd., ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat kerana SilTerra Malaysia Sdn. Bhd. adalah milik Khazanah Nasional. Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

**[ Perdana Menteri ]**

14. PR-1422-U(27)056

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (Unified Examination Certificate–UEC) adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM."

"Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM."

"Mantan Menteri Pelajaran iaitu Ahli Parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM memandangkan mata pelajaran

Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperoleh sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa sejak tahun 2013.”

“Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk menjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai pra-syarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan. Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berdolak-dalik.”

“Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar UEC seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke “Youtube”, di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai “hitam putih” untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan.”

#### [ Menteri Pendidikan ]

15. PR-1422-U(27)057

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan."

"Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu."

"Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk Cina."

"Seperti yang dijanjikan oleh YB Menteri Pendidikan pada 28 Jun 2018, SJKC Kuek Ho Yao di Seri Austin, Johor Bahru dan SJKC Sim Mow Yu di Masai, Johor akan tetap didirikan memandangkan upacara pecah tanah sekolah telah disempurnakan pada tahun 2018, iaitu sebelum PRU 14. Maka, Kementerian Pendidikan sepatutnya rasa terpenggil untuk menyalurkan peruntukan sekurang-kurangnya RM7 juta untuk menanggung kos pembinaan setiap SJKC yang dinamakan di atas."

#### [ Menteri Pendidikan ]

16. PR-1422-U(27)058

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1,500,000 bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara."

"Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baharu' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baharu' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah."

**[ Perdana Menteri ]**

17. PR-1422-U(27)059

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan setiap dasar dan polisi Kerajaan di semua peringkat mempunyai tahap kefahaman mengenai institusi raja atau raja berpelembagaan yang kukuh seterusnya menyemai kefahaman yang sebenar dalam kalangan rakyat di negara ini. Sejak kebelakangan ini banyak kekeliruan berlaku khususnya dalam kalangan anak-anak muda berkenaan dengan bagaimana kuasa institusi raja diamalkan dan ramai dibesarkan dengan fahaman bahawa Raja Melayu bertindak atas nasihat sebenarnya tidak memahami maksud sebenar. Perkataan nasihat itu sering disalah erti kerana perkataan dalam perlembagaan dalam versi Bahasa Inggeris, kita guna "*advice*" yang membawa maksud perkara yang baik-baik. Ia adalah bertentangan kepada perkataan "*vice*". Raja juga perlu menerima nasihat yang baik-baik. Ini kerana dalam perlembagaan diberikan hak kepada raja-raja untuk meminta maklumat daripada Kerajaan tentang institusi semasa negeri."

Baginda berhak. Perkara tersebut ada ditulis dalam perkara 40 (1) walaupun bertindak atas nasihat tetapi baginda mempunyai hak untuk mengetahui tentang hal ehwal semasa negeri. Selain itu terdapat polemik berkaitan istilah raja sebagai simbol. Apabila simbol, raja perlu bertindak atas nasihat tanpa mengambil kira peruntukan dalam perlembagaan yang memberikan kuasa budi bicara yang mutlak kepada raja-raja. Maknanya ada lagi ciri-ciri yang dikatakan budi bicara kepada raja itu. Dalam Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan menyebut kedaulatan raja adalah kekal sebagaimana sebelum ini. Apabila menyatakan raja-raja itu mempunyai kedaulatan, baginda mempunyai kuasa dan kekuasaan. Perkataan kedaulatan itu menyatakan tentang ada kedaulatan, kuasa dan kekuasaan. Kalau ada kedaulatan tetapi perlembagaan tidak memberikan baginda kuasa, maka tidak ada kekuasaan dan ia tidak bererti. Tetapi, raja berpelembagaan walaupun bertindak dalam kebanyakan perkara atas nasihat tetapi ada ruang-ruang diberikan kepada baginda menerusi perlembagaan. Apabila telah mantap dengan asas kenegaraan ini, baharulah institusi raja berpelembagaan dapat difahami dengan mantap. Institusi beraja ini tidak boleh dibicarakan secara bermusim, ia perlu setiap masa dan dihayati oleh setiap rakyat. "

**[ Perdana Menteri ]**

18. PR-1422-U(27)060

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan Laporan Rumusan Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi LYNAS yang telah dikeluarkan pada 8 Disember 2018 yang lalu. Pembentangan ini amat penting supaya rakyat memahami dengan jelas apakah yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa tersebut untuk tindakan seterusnya. Laporan ini juga sekaligus akan meleraikan setiap kenyataan-kenyataan anggota pentadbiran Kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan yang bercanggah dan mengelirukan. Laporan rumusan ini juga akan menjadi rujukan utama untuk platform analisis bagi semakan sama ada tindakan Kementerian berhubung operasi LYNAS selari dengan kandungan rumusan laporan tersebut."

**[ Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim ]**

19. PR-1422-U(27)061

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menyatakan pendirian terhadap desakan antarabangsa yang berterusan kepada Malaysia untuk menandatangani dan meratifikasi semua perjanjian antarabangsa mengenai hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kerajaan tanpa campur tangan kuasa asing perlu mempunyai pendirian yang jelas

dan tidak bercelaru kerana setiap negara mempunyai hak sama ada untuk turut serta atau sebaliknya dalam setiap perjanjian antarabangsa kerana tidak kira kuasa besar atau kecil, keutamaan negara individu adalah berbeza diantara satu sama lain. Menjadi prinsip kebanyakan negara terutamanya kuasa besar dunia akan hanya mengesahkan perjanjian antarabangsa jika ia tidak menongkah arus kehendak Perlembagaan sesuatu negara iaitu kepentingan rakyat dan negara mereka diutamakan. Dalam hal ini, Perlembagaan Persekutuan harus dijadikan rujukan utama buat Malaysia dalam membuat apa-apa keputusan. Seperti mana keenganan negara-negara kuasa besar dunia mengesahkan perjanjian-perjanjian hak asasi ini perlu dijadikan perhatian oleh Kerajaan Malaysia kerana asas utama keenganan negara-negara besar ini ialah mereka amat khuatir konvensyen tersebut akan menghakis kedaulatan negara mereka. Pendirian berkenaan perjanjian antarabangsa memerlukan kefahaman tentang pemakian undang-undang antarabangsa dalam sistem perundangan Malaysia. Pemahaman terhadap teori penerimaan dan pemakaian undang-undang antarabangsa dalam suatu negara iaitu Doktrin Diperbadankan (*Doctrine of Incorporation*) dan Doktrin Transformasi (*Doctrine of Transformation*) perlu jelas dan difahami secara mendalam terlebih dahulu. Perkara 74 dan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memberikan kesan bahawa kuasa untuk membuat atau menandatangani dan meratifikasi triti atau perjanjian di peringkat antarabangsa adalah terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan. Ia juga menunjukkan bahawa Badan Eksekutif mempunyai kuasa untuk membuat perjanjian antarabangsa atau menandatangani apa-apa perjanjian antarabangsa, manakala kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang antarabangsa tersebut adalah terletak hak kepada Parlimen. Prinsip yang harus Kerajaan nyatakan dengan jelas adalah kedaulatan negara dan kepentingan rakyat masing-masing mesti didahulukan walaupun negara terbabit akan dituduh sebagai tidak menghormati suara majoriti masyarakat antarabangsa."

**[ Menteri Luar Negeri ]**

20. PR-1422-U(27)062

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar yang jelas serta dan polisi yang lengkap berkenaan menetapkan harga lantai bagi sektor komoditi di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai mekanisme yang kukuh dalam menstabilkan harga sektor komoditi di negara ini yang merangkumi industri sawit, industri getah, industri koko, industri lada dan industri tembakau. Dengan melaksanakan penetapan harga subsidi atau harga lantai bagi setiap industri komoditi ini akan memastikan nasib peneroka dan pekebun kecil terbela melalui jaminan harga industri yang jelas dan kukuh pada setiap masa. Kerajaan harus menggunakan semua platform seperti agensi Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Lada Malaysia, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara serta agensi-agensinya antarabangsa yang

memainkan peranan besar dalam menyelaraskan sektor komoditi. Kerajaan juga perlu menyediakan pelan-pelan sokongan dan bantuan bagi jangka masa panjang bagi memastikan mereka yang terlibat terutamanya peneroka dan pekebun kecil tidak terjejas dan tidak terlalu bergantung kepada harga pasaran dunia."

**[ Menteri Industri Utama ]**

21. PR-1422-U(27)063

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi mengkaji dan membentangkan perancangan model pendidikan jangka masa panjang menyeluruh yang akan menyelesaikan masalah polarisasi kaum yang semakin menebal dalam kalangan anak muda di negara ini. Model pendidikan jangka masa panjang ini perlu merangkumi keseluruhan aspek pembelajaran termasuk komponen subjek akademik, komponen kerohanian dan komponen etnik tanpa membelakangi peruntukkan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan semangat Rukun Negara. Masalah polarisasi kaum akan dilihat semakin serius jika perancangan ini tidak dilakukan segera. Apabila model pendidikan daripada peringkat awal pembelajaran tidak dapat mencapai tahap toleransi semua kaum dan semangat kenegaraan semakin lemah dalam kalangan anak muda, potensi untuk membangunkan negara bangsa mengikut acuan kita sendiri akan terencat dan keharmonian serta kesejahteraan negara juga akan terancam."

**[ Menteri Pendidikan ]**

22. PR-1422-U(27)047

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan serta memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU-14."

**[ Perdana Menteri ]**

23. PR-1422-U(27)048

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urusan tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

24. PR-1422-U(27)049

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JPKP) mengenai Pilihan Raya, supaya JPKP tersebut boleh menyiasat aduan mengenai salah laku-salah laku bekas ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam pilihan raya umum yang lepas; dan Parlimen mempunyai sebuah platform bebas tersendiri untuk memantau dan menerima laporan daripada SPR secara berterusan."

**[ Perdana Menteri ]**

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 10.07.2019 (Rabu)	1. YB Dr. Azman bin Ismail (Kuala Kedah)	1. Masalah Peralatan-Peralatan Yang Ketinggalan Zaman Bagi Program Kursus-Kursus Ijazah Lanjutan Bidang Perubatan Di Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan.	1. YB Menteri Pendidikan
2. 10.07.2019 (Rabu)	2. YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)	2. Sistem Transit Aliran Johor - Singapura (RTS)	2. YB Menteri Pengangkutan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**